



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

25 Jamadilawal 1443 / 30 Disember 2021

1. Pada hari ini, Khamis 25 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 30 Disember 2021, sebanyak **5 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,470 orang**.
 - Daripada jumlah tersebut, **3** adalah kes tempatan manakala **2** adalah kes import.
 - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **2,681 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.2%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **satu kes masih dalam Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan dan

bantuan mesin tambahan *heart/lung machine*, ECMO di Unit Rawatan Intensif).

3. **7 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,272 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **98 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **2.6%**.
4. Sehingga kelmarin, 29 Disember 2021, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.5%**;
 - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.3%**; manakala
 - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **19.5%**.
5. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 6 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kesemuanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

6. Marilah kita semua sentiasa berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan mematuhi segala arahan dan garis panduan pihak Kerajaan dalam menangani wabak COVID-19. Semoga rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan terselamat dari segala bencana dan musibah, khususnya dari wabak COVID-19...Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

7. Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa sidang media Situasi Terkini COVID-19 akan ditiadakan pada hari esok, Jumaat 31 Disember 2021 hingga hari Ahad 02 Januari 2022. Insya Allah, sidang media seterusnya akan diadakan pada hari Isnin, 3 Januari 2022.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 25 Jamadilawal 1443H / 30 Disember 2021